



JABATAN PERANGKAAN
M A L A Y S I A

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 8/2020

RUJUKAN : 30 MAC 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Krisis penularan jangkitan penyakit CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) di Malaysia mula mendapat perhatian serius seluruh warga pada penghujung Februari dan tanggal 13 Mac 2020 Malaysia telah menduduki tangga teratas di Asia Tenggara menerusi bilangan kes jangkitan positif yang tertinggi. Melihat kepada situasi terkini terutamanya peningkatan signifikan kes jangkitan di peringkat daerah, pihak kerajaan mengambil langkah proaktif untuk mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (*Enhanced Movement Control Order*) di beberapa daerah di Johor dan Selangor.

Jangkitan kes baharu terus meningkat berbanding yang dicatatkan pada 29 Mac 2020 (150 kes) kepada **156 kes positif** dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pada 30 Mac 2020, jumlah kumulatif jangkitan dalam negara meningkat kepada **2,626 kes dengan jumlah kematian direkodkan sebanyak 37 kes**. Sementara itu, bilangan kes yang telah sembuh **bertambah kepada 479 kes** dan sebanyak 2110 kes yang sedang dirawat. Pertambahan kes baharu ini antaranya adalah **menerusi peningkatan di Selangor sebanyak 60 kes, WP Kuala Lumpur (24 kes), Johor (24) dan Negeri Sembilan (10 kes)** seperti Jadual 1. Statistik di peringkat daerah dan kawasan, menunjukkan sejumlah 15 daerah merekodkan bilangan kes positif di antara 41 kes dan keatas dengan **jumlah jangkitan tertinggi dicatatkan di Petaling, Lembah Pantai dan Hulu Langat** dengan masing-masing mencatatkan lebih 200 kes positif.

Di peringkat global, kes positif COVID-19 telah **meningkat** kepada **722,843 kes** dan sebanyak **33,607 kes kematian** dilaporkan seperti pada Jadual 2. **Amerika Syarikat** mencatatkan jumlah **kes positif COVID-19 tertinggi** dengan peningkatan 17,889 kes **menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 142,106 kes**. Pada masa yang sama, Sepanyol dan Itali merupakan antara negara yang merekodkan pertambahan melebihi 5000 kes jangkitan dalam sehari dengan masing-masing meningkat 6,875 dan 5,217 kes positif. Selain itu, **Itali** mendominasi **bilangan kematian tertinggi di dunia dengan 10,779 kes** dengan **peratus kematian** dalam negara sebanyak **11 peratus**. Secara umumnya, terdapat 203 buah negara yang telah terlibat dengan penularan wabak ini dan peratusan kes sembuh adalah sebanyak 19.9 peratus atau 143,740 kes.

Impak pandemik COVID-19 turut menjelaskan kestabilan ekonomi dunia malah dijangkakan jauh melebihi wabak SARS yang muncul pada penghujung tahun 2002 hingga Julai 2003. Dalam konteks Malaysia, tidak dinafikan bahawa perkembangan sektor perniagaan agak kritikal kepada negara khususnya dalam memastikan peluang pekerjaan dapat dikekalkan dan seterusnya memastikan ekonomi kekal berdaya tahan. Kerajaan telah memperkenalkan **Program Subsidi Upah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat** sebagai kesinambungan dan perluasan kepada Program Penekalan Pekerjaan (Employment Retention Program, ERP) yang diumumkan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 pada 16 Mac 2020 yang lalu. Program ini mempunyai **objektif untuk membantu majikan mengekalkan pekerja dalam menghadapi cabaran semasa**. Situasi ekonomi dalam negara seperti yang dianggarkan oleh AmBank Group Research menjangkakan akan menghadapi kemelesetan teknikal (*technical recession*) bagi 2 suku tahunan 2020 manakala bagi keseluruhan tahun 2020, Malaysia dijangka bertumbuh marginal 0.4%.

Senario persekitaran ekonomi beberapa negara terpilih turut menunjukkan aliran menurun berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama. Beberapa petikan perkongsian *headlines* pasaran ekonomi daripada *Public Invest Daily* memberikan butiran berikut;

AS: Indeks sentimen pengguna AS bagi bulan Mac disemak (revise) lebih rendah kepada 89.1 berbanding 95.9 (data awalan). Indikator ini mengalami penurunan sebanyak 11.9 mata daripada 101.0 mata yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Kejatuhan ini **merupakan kejatuhan keempat terbesar yang dihadapai AS dalam jangka masa 50 tahun**. Kejatuhan tertinggi direkodkan pada Oktober 2008 (penurunan 12.7 mata), diikuti dengan penurunan akibat kemelesetan ekonomi 1980 (-12.2 mata) dan bencana puting beliung Katrina 2005 (-12.2 mata). (RTT)

EU: Bank Pusat Eropah (ECB) memaklumkan bahawa agihan keuntungan melalui pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2019 dan 2020, serta pembelian-semula syer oleh bank-bank di EU boleh ditangguhkan. ECB menyarankan keuntungan tersebut digunakan untuk menyokong ekonomi yang terkesan dari penularan wabak COVID-19. (Reuters)

UK: Bank of England (BOE) memaklumkan penularan COVID-19 akan memberi kesan kepada ekonomi bagi jangka masa panjang. **BOE memberi amaran akan peningkatan risiko kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan** akibat langkah kuarantin yang diambil kerajaan bagi mengekang wabak berkenaan. BOE telah menetapkan kadar faedah paling rendah 0.1% dan menyuntik GBP 200 bilion ke dalam ekonomi melalui pakej Pelonggaran Kuantitatif. (The Guardian)

CHINA: Keuntungan syarikat-syarikat perindustrian China turun bagi tempoh 2 bulan pertama 2020, terendah bagi tempoh 10 tahun. Badan statistik rasmi China National Bureau of Statistics (NBS) melaporkan, statistik keuntungan firma industri turun **-38.3%** kepada CNY 410.7 bilion berbanding kejatuhan - 6.3% pada Disember 2020. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion **dijangka akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi pada 1.5 peratus**. Inisiatif bantuan Kerajaan ini merupakan **yang terbesar** sejak tahun 2008, iaitu **17.4 peratus daripada KDNK 2019**, berbanding RM67 bilion yang mewakili 8.8 peratus daripada KDNK untuk menangani krisis sub-prima 2008.
- 2) KDNK Malaysia dijangka **lebih sederhana** iaitu **2.7 peratus** tahun ke tahun berbanding 4.3 peratus pada tahun lepas. Selain itu, **pendapatan kerajaan dijangka lebih rendah pada RM235 bilion** tahun ini susulan harga minyak US\$41 setong (MIDF Research).
- 3) Ekonomi negara **terjejas** disebabkan oleh Covid-19 terutamanya dari segi **sektor pelancongan, hotel, runcit dan pelaburan**. Tempoh pemulihan ekonomi negara **dijangka sekurang-kurangnya enam bulan selepas krisis COVID-19** berakhir.
- 4) **Sharing economy** turut **terjejas** di samping sektor hotel dan pengangkutan udara, kesan daripada wabak COVID-19. Pemilik **air-bnb** menyatakan **harga penginapan berkurang 50 peratus** kesan daripada COVID-19.
- 5) Berkuatkuasa PKP fasa 2, **waktu operasi premis perniagaan yang menjalankan aktiviti menjual makanan, pasar dan stesen minyak hanya dibenarkan beroperasi dari pukul 8 pagi sehingga 8 malam sahaja**.
- 6) Harga minyak mentah **terus menyusut pada paras terendah bagi tempoh 17 tahun** berikutan pandemik Covid-19 dan perang harga di antara Arab Saudi dan Rusia.
- 7) Malaysia Airlines Berhad akan mengembalikan semula beberapa penerbangan ke China, Indonesia, Australia dan New Zealand antara April dan Mei 2020.

- 8) Prestasi Perbankan Islam **dijangka bertumbuh perlahan kepada 5.0%** pada tahun fiskal 2020 berbanding 8.3% pada 2019.
- 9) Beberapa negara pengeluar tanaman utama telah **melaksanakan sekatan eksport** seperti Vietnam, yang telah **mengekang eksport beras**, Rusia **menghentikan eksport bijirin** dan Kazakhstan telah menggantung eksport tepung gandum, *buckwheat*, gula, minyak bunga matahari dan beberapa sayuran.
- 10) **Kenanga Research** menasarkan penurunan keuntungan bersih **Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB)** bagi tahun kewangan 2020 dan 2021 masing-masing **pada 43 peratus dan 19 peratus berdasarkan situasi Covid-19**. Kawalan dan sekatan perjalanan udara juga dijangka memberi kesan kepada Air Asia dan pengendali penerbangan yang lain.
- 11) **Perniagaan mengambil masa sekurang-kurangnya 6 hingga 12 bulan untuk kembali stabil**. Bantuan serta sokongan kewangan kerajaan amat diperlukan sepanjang tempoh berkenaan bagi memastikan tidak berlakunya pemberhentian secara besar-besaran serta pengurangan pekerjaan.
- 12) **Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA)** dijangka menyumbang **kira-kira 225 bilion helai sarung tangan** pada tahun ini iaitu **kira-kira 65 peratus daripada keseluruhan keperluan dunia**.
- 13) **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** memberi kesan kepada pengusaha akuakultur disebabkan oleh **kurangnya permintaan dari pemborong dan peniaga**.
- 14) Kerajaan telah memutuskan bahawa harga siling topeng muka ditetapkan pada harga RM1.50 berkuatkuasa pada 1 April 2020

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>COVID-19: Kerajaan terima RM4.25j untuk Tabung COVID-19</p> <p>Kerajaan hari ini menerima sumbangan bernilai RM4.25 juta daripada lima syarikat untuk disalurkan ke Tabung COVID-19.</p> <p>Sumbangan disampaikan wakil syarikat masing-masing kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam satu majlis ringkas di Perdana Putra, Putrajaya.</p> <p>Syarikat Naza Corporation Holdings Sdn Bhd menyumbangkan RM1.25 juta yang disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, SM Nasaruddin SM Nasimuddin.</p> <p>Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Leong Hup International Berhad, Tan Sri Francis Lau, tampil memberikan dua unit ventilator dan peruntukan bernilai RM500,000.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671084/covid-19-kerajaan-terima-rm425j-untuk-tabung-covid-19
2.	Berita Harian	<p>EAC beri perhatian rungutan sektor PKS</p> <p>Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) memberikan tumpuan khusus kepada pandangan serta rungutan</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671122/eac-beri-perhatian-rungutan-sektor-pks

		<p>dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).</p> <p>Sehubungan itu, Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan, menggesa semua pemilik premis perniagaan swasta atau persendirian untuk mempertimbangkan pemberian diskaun, selepas PKS dikesan berdepan cabaran getir berikutan penularan wabak COVID-19.</p>	
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: Perak tambah inisiatif bantuan kepada rakyat</p> <p>Perak mengumumkan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk peruntukan RM780,000 yang akan diagihkan kepada 2,600 pekerja am termasuk pengutip sampah, pemotong rumput dan pegawai penguat kuasa.</p> <p>Prihatin dengan rayuan ramai golongan penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perak juga meningkatkan bilangan penerima bantuan kewangan sekali bayar sebanyak RM500 seorang kepada 12,413 penerima membabitkan kos RM6.2 juta.</p> <p>Kerajaan Negeri turut menyediakan Bantuan Elaun Khas RM500 seorang kepada 986 Pengurus Majlis</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671007/covid-19-perak-tambah-inisiatif-bantuan-kepada-rakyat

		Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dengan peruntukan keseluruhan RM493,000.	
4.	The Edge Markets	<p>MIEA appeals for tax breaks, other benefits for real estate fraternity</p> <p>The Malaysian Institute of Estate Agents (MIEA) is calling on the government to provide leniency towards the property sector, especially its agents that are also affected by the ongoing Covid-19 movement control order (MCO).</p> <p>Among the measures that MIEA is hoping the government would consider is to place the sales and services tax for real estate transactions in abeyance until the end of the year to help sellers from having to incur additional costs.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/miea-appeals-tax-breaks-other-benefits-real-estate-fraternity
5.	New Straits Times 30.03.2020	<p>Stimulus to add 1.5 percentage point to Malaysia's economy</p> <p>The RM250 billion stimulus package will roughly add to Malaysia's real gross domestic product (GDP) growth by an estimated 1.5 per cent percentage point, Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz said.</p> <p>Affin Hwang Capital said at a briefing on the stimulus, Tengku Zafrul had said besides the East Coast Rail Link and Mass Rapid Transit 2, other approved mega infrastructure projects</p>	https://new.nst.com.my/business/2020/03/579712/stimulus-add-15-percentage-point-malaysias-economy

		<p>would also be continued and accelerated.</p> <p>Tengku Zafrul, the firm added, also guided that the oil price assumption had been lowered to US\$35-US\$40 per barrel from its previous assumption of US\$62 per barrel in 2020 Budget.</p> <p>As a result, the country's fiscal deficit target has been reset higher to four per cent of GDP from 3.4 per cent of GDP previously.</p>	
6.	New Straits Times 30.03.2020	<p>AirAsia's losses may be broader, MAHB's earnings at stake due to Covid-19</p> <p>AirAsia Group Bhd's losses could widen this year, owing to lower load factors and yields exacerbated by travel restriction following the Covid-19 pandemic that caused air travel to collapse.</p> <p>Kenanga Research, in a report today, cut AirAsia's financial year ending December 31, 2020 (FY20) earnings assumptions at a wider net loss of RM527 million from RM258 million net loss previously.</p> <p>Malaysia Airports Holdings Bhd's (MAHB) passenger traffic throughout its local airports declined 23.4 per cent year-on-year (YoY) to 6.24 million passengers in February from</p>	https://new.nst.com.my/business/2020/03/579520/airasias-losses-may-be-broader-mahbs-earnings-stake-due-covid-19

		<p>8.15 million passengers recorded a year ago.</p> <p>Both international and domestic passenger traffic reduced 29.7 per cent to 2.95 million passengers and 16.8 per cent to 3.3 million passengers in February 2020, respectively.</p>	
7.	The Star	<p>Islamic banks' financing growth to fall below 5%, RAM says</p> <p>Islamic bank financing growth will decline to 5% in fiscal 2020, from 8.3% in 2019 expected by RAM Ratings. The decline was due to infection from the Covid-19 pandemic.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/30/islamic-banks-financing-growth-to-fall-below-5-ram-says
8.	The Edge Markets	<p>Malaysia GDP to expand 0.4% in 2020, says AmBank Research</p> <p>AmBank Group Research expects the Malaysian economy to report “technical” recession — two quarters of negative growth.</p> <p>In a budget report today, AmBank Group chief economist and head of research Dr Anthony Dass said that after taking into consideration of the “technical” recession, his estimation shows the economy should expand around 0.4% for 2020 although the government projects a flat growth.</p> <p>Dass, who is also an adjunct professor in economics at the University of New England,</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-gdp-expand-04-2020-says-ambank-research

	Sydney, Australia, said the second stimulus package (SP2) of Covid-19 amounting to RM250 billion (17% of gross domestic product [GDP], with 1.7% of GDP direct fiscal injections) should support growth and provide the much-needed support in areas like liquidity, consumption and employment without putting too much strain on the fiscal deficit.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

- Artikel 5 – Artikel adalah berkaitan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion yang dijangkakan akan meningkat pertumbuhan ekonomi pada 1.5 peratus. Selain itu, ekonomi diramalkan menyusut pada suku pertama dan kedua tahun 2020 disebabkan oleh kejatuhan dalam permintaan domestik dan eksport akibat penularan wabak Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

- Pertumbuhan ekonomi dijangka bertumbuh perlahan dan boleh mencapai paras negatif dengan kejatuhan permintaan domestik dan eksport. Walaubagaimanapun, dengan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan akan dapat mengimbangi dan menggerakkan semula ekonomi khususnya sektor isi rumah.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Edge Markets	New business hours 8am-8pm, starting April 1 Starting 1 st April 2020, all business premises selling essential items, including supermarkets and petrol stations, are to operate from 8 am to 8 pm.	https://www.theedgemarkets.com/article/mco-new-business-hours-8am8pm-starting-april-1-%E2%80%94-ismail-sabri
2.	The Edge Markets	Malaysia Airlines to fly in over 10 mil masks, ventilators from China	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-airlines-fly-

		<p>Group Chief Executive Officer of MABKargo, Captain Izham Ismail stated that MABkargo will be flying more than 10 million pieces of masks as well as ventilators from Shanghai and Guangzhou, China, in the next few days.</p>	<u>over-10-mil-masks-ventilators-china</u>
3.	Borneo Online	<p>A tale of Malaysia's rubber products and palm oil</p> <p>Rubber is a blessed word in these difficult times as its transformation into gloves has proved life-saving with even the world's largest economy expressed praises of Malaysia's gloves.</p> <p>Malaysian palm oil has also saved the world's bid to repeal Covid-19. Malaysia is the leading producer of this versatile vegetable oil commonly used to replace petroleum-based surfactants for making soaps and detergents.</p>	https://www.theborneopost.com/2020/03/0/a-tale-of-malaysias-rubber-products-and-palm-oil/
4.	Berita Online	<p>Harga minyak pada paras rendah 17 tahun</p> <p>Harga minyak mentah terus menyusut ke paras terendah dalam tempoh 17 tahun, dengan krisis Covid-19 yang meningkat di seluruh dunia dan situasi perang harga yang berterusan.</p> <p>Penanda aras minyak Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate jatuh 5.3 peratus kepada AS\$20 setong, sementara penanda aras antarabangsa minyak mentah Brent rendah 6.5 peratus kepada AS\$23 setong.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/03/671036/harga-minyak-pada-paras-rendah-17-tahun

5.	Mstar	Pekerja 7-Eleven sah Covid-19, outlet ditutup untuk proses sanitasi Kedai serbaneka 7-Eleven cawangan Jalan Bunus, Kuala Lumpur tutup sementara bagi kerja sanitasi menyeluruh selepas pekerja di outlet tersebut disahkan positif Covid-19 pada Isnin lepas.	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/03/30/7eleven-covid19
B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan			
6.	The Edge Markets	Malaysia Airlines to reinstate some international flights to China, Indonesia, Australia, New Zealand Malaysia Airlines will be reinstating some international flights to China, Indonesia, Australia and New Zealand between April and May 2020.	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysian-airlines-reinstate-some-international-flights-china-indonesia-australia-new#
C. Subsektor Kewangan			
7.	Focus Malaysia	Covid-19: ‘Governments, central banks must boost efforts’ Banks to use their capital buffers while “a global freeze on bank dividends and share buybacks. Government-guaranteed loans by banks to small and medium firms, equal to the amount of taxes each paid last year and to finance receivables, such as invoices for exports.	https://focusmalaysia.my/featured/covid-19-governments-central-banks-must-boost-efforts/
8.	Focus Malaysia	RAM Ratings sees stable outlook for Malaysian Islamic bank sector	https://focusmalaysia.my/mainstream/ram-ratings-sees-stable-outlook-for-

		<p>Financing growth of Islamic banks is expected to decline to below 5.0% in fiscal 2020, from 8.3% in 2019</p> <p>Islamic banks' asset quality remains healthy although its gross impaired financing (GIF) ratio edged up to 1.4% as at end-December 2019 (end-December 2018: 1.3%) due to a couple of lumpy corporate accounts.</p>	malaysian-islamic-bank-sector/
D. Subsektor Makanan & Minuman			
9.	thesundaily.my	<p>Eateries see drastic drop in sales</p> <p>Eateries have been allowed to remain open during the movement control order (MCO). But like other businesses, they too have seen a drastic drop in sales, with some even having to close until the MCO is lifted as a way to reduce costs.</p>	https://www.thesundaily.my/local/eateries-see-drastic-drop-in-sales-DK2194603
10.	malaymail.com	<p>In second phase of MCO, eateries, markets, petrol stations can only operate from 8am to 8pm</p> <p>Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri said eateries, markets, and petrol stations will only be allowed to operate from 8am to 8pm daily for the entire 14 days of the MCO's second phase.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/30/in-second-phase-of-mco-eateries-markets-petrol-stations-can-only-operate-fr/1851666
E. Subsektor Kesihatan Swasta			
11.	Bernama	Sun Life establishes RM1 mln COVID-19 Relief Fund	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1826570

		<p>Sun Life Malaysia has established RM1.0 million Covid-19 Relief Fund to provide direct support to its clients during this unprecedented pandemic.</p> <p>The industry-wide relief fund seeks to encourage and lower the cost barrier for Covid-19 testing at private hospitals and medical facilities, by providing an RM300 benefit upon testing.</p>	
12.	The Star	<p>MMC is first private hospital in Negeri Sembilan to provide drive-thru Covid-19 testing</p> <p>The Mawar Medical Centre (MMC) has become the first private hospital in Negeri Sembilan to provide drive-thru Covid-19 testing to reduce the workload of government hospitals.</p> <p>The tests are only for those who had not travelled abroad recently and did not come into close contact with a Covid-19 positive individual.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/30/mmc-is-first-private-hospital-in-negri-sembilan-to-provide-drive-thru-covid-19-testing
F. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi			
13.	Astro Awani	<p>PKP: Tabung kecemasan Zoo Negara mampu bertahan tiga bulan sahaja</p> <p>Pendapatan utama Zoo Negara adalah daripada penjualan tiket masuk, sewaan tempat acara, tajaan syarikat dan sumbangan orang ramai. Sehubungan itu, Zoo Negara turut terkesan dengan pelaksanaan PKP apabila terpaksa menggunakan tabung</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-tabung-kecemasan-zoo-negara-mampu-bertahan-tiga-bulan-sahaja-235861

		<p>kecemasannya untuk meneruskan operasi yang mampu bertahan selama tiga bulan.</p> <p>Kempen <i>Adopt An Animal</i> adalah pakej yang dilaksanakan oleh kebanyakan zoo di seluruh dunia bagi menambahkan pendapatan bagi belian bekalan makanan, ubat-ubatan dan kebajikan haiwan-haiwan.</p>	
	G. Subsektor Pentadbiran & Khidmat Sokongan		
14.	Free Malaysia Today	<p>Sektor pelancongan boleh rugi RM50 bilion akibat Covid-19, kata penyelidik</p> <p>Firma penyelidik, Affin Hwang Capital memberi amaran sektor pelancongan boleh rugi RM50 bilion hingga RM60 bilion kerana kekurangan pelancong akibat krisis Covid-19.</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/03/30/sektor-pelancongan-boleh-rugi-rm50-bilion-akibat-covid-19-kata-penyelidik/
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerajaan telah memutuskan bahawa harga siling topeng muka ditetapkan pada harga RM1.50 berkuat kuasa pada 1 April 2020. 2. Berkuatkuasa PKP fasa 2, waktu operasi premis perniagaan yang menjalankan aktiviti menjual makanan, pasar dan stesen minyak hanya dibenarkan beroperasi dari pukul 8 pagi sehingga 8 malam sahaja. 3. Harga minyak mentah terus menyusut pada paras terendah bagi tempoh 17 tahun berikutan pandemik Covid-19 dan perang harga di antara Arab Saudi dan Rusia. 4. Malaysia Airlines Berhad akan mengembalikan semula beberapa penerbangan ke China, Indonesia, Australia dan New Zealand antara April dan Mei 2020. 5. Inisiatif Bank Negara dan kerajaan secara bersepada penting bagi ekonomi negara semasa penularan Covid-19. 6. Prestasi Perbankan Islam dijangka bertumbuh perlahan kepada 5.0% pada tahun fiskal 2020 berbanding 8.3% pada 2019. 7. Pengusaha restoran menyatakan berlaku penurunan jualan yang ketara sejak pelaksanaan MCO. 8. Zoo Negara menggunakan tabung kecemasan disamping melancarkan kempen <i>Adopt An Animal</i> untuk menambahkan pendapatan. 			

9. Kedatangan pelancong dijangkakan akan merosot sebanyak 60%. Kedatangan pelancong yang rendah akan menyebabkan kekurangan penggunaan swasta dan pertumbuhan ekonomi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Subsektor runcit akan mengalami kemerosotan jualan impak dari masa beroperasi yang dipendekkan berikutan gelombang kedua Covid-19.
2. Penurunan harga minyak mentah dunia yang berterusan akan menjelaskan industri minyak di Malaysia.
3. Permintaan produk farmaseutikal seperti topeng muka, pencuci tangan dan ventilator akan menyebabkan peningkatan jualan item tersebut dalam tempoh penularan Covid-19 ini.
4. Pengembalian semula penerbangan ke empat negara ini akan membantu meningkatkan operasi dan hasil Malaysia Airlines namun masih minimum memandangkan banyak penerbangan antarabangsa telah dibatalkan berikutan penularan Covid-19.
5. Penularan Covid-19 ini turut memberi impak negatif kepada industri pelancongan aktiviti perhotelan, makanan & minuman, hiburan & rekreasi, sewaan dan pajakan kenderaan, agensi pengembaraan dan MICE.
6. BPP akan mengambil kira perkara ini di dalam penyusunan statistik prestasi Q1 dan Q2 2020.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	<p>Ceiling price for masks is RM1.50, says Ismail Sabri</p> <p>The government has fixed the ceiling price for masks at RM1.50 each, 50 cent cheaper than the RM2 price previously announced. This is due to masks used are mostly imported and tied to the prices fixed by those countries.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579545/ceiling-price-masks-rm150-says-ismail-sabri
2.	FMT	<p>Factories running out of supplies, warns business chamber</p> <p>The Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) urged the government to protect flailing</p>	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/03/30/factories-running-out-of-supplies-warns-business-chamber/

		<p>businesses. Suppliers must be allowed to operate as usual during the movement control order, so as to allow larger factories to get their parts. Currently, many factories are running out of supplies from second and third tier vendors, as they were not allowed to operate.</p> <p>They also proposed for; employment replacement, wage subsidy, exemption of tax, hasten the outstanding GST refunds and other government procurement payments outstanding.</p>	
3.	CNBC	<p>A food crisis looms as coronavirus forces farms to stay idle and countries hoard supplies</p> <p>Large-scale lockdowns to contain the coronavirus outbreak have hurt the supply of manpower and disrupted supply chains in the agriculture industry.</p> <p>The United Nations' Food and Agriculture Organization (FAO) said the world risks a “looming food crisis” unless measures are taken fast to protect the most vulnerable, keep global food supply chains alive and mitigate the pandemic’s impacts across the food system.</p> <p>As of now, disruptions are minimal as food supplies have been adequate. But price spikes are more likely for higher</p>	https://www.cnbc.com/2020/03/30/coronavirus-food-crisis-looms-as-farms-idle-countries-hoard-supplies.html

	<p>value products like meat and perishable commodities rather than for major staples which are still in adequate supply, said the FAO.</p> <p>Among the major crop producing countries that have implemented export restrictions are Vietnam, which has curbed rice exports and Russia, which has halted processed grain exports. Kazakhstan has also suspended exports of wheat flour, buckwheat, sugar, sunflower oil, and some vegetables.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. KPDNHEP telah membuat penetapan harga siling bagi topeng muka iaitu RM1.50 berbanding RM2.00 yang telah diumumkan sebelum ini. Ini adalah berikutan kebanyakan topeng muka yang dijual di Negara ini adalah diimport dan penetapan harga telah dibuat bersama Negara-negara tersebut.
2. Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) menggesa kerajaan untuk melindungi perniagaan yang terjejas. Pembekal mesti dibenarkan beroperasi seperti biasa semasa perintah kawalan pergerakan, supaya membolehkan kilang-kilang besar mendapatkan bekalan. Pada masa ini, banyak kilang telah kehabisan bekalan daripada vendor pada peringkat kedua dan ketiga kerana mereka tidak dibenarkan beroperasi. Mereka juga mencadangkan untuk; penggantian pekerja, subsidi upah, pengecualian cukai, mempercepat pembayaran balik CBP yang belum dijelaskan dan lain-lain pembayaran perolehan kerajaan yang belum selesai.
3. Perintah berkurung/ kawalan pergerakan besar-besaran bagi membendung penularan wabak koronavirus mengganggu bekalan tenaga manusia dan rantaian bekalan dalam industri pertanian. FAO berkata dunia menghadapi "krisis makanan" melainkan langkah-langkah diambil dengan cepat untuk melindungi yang paling lemah, mengekalkan rantaian bekalan makanan global dan mengurangkan kesan pandemik di seluruh sistem makanan. Sehingga sekarang, gangguan adalah minima kerana bekalan makanan mencukupi. Tetapi kenaikan harga lebih tinggi bagi produk bernilai lebih tinggi seperti daging dan komoditi mudah rosak dan bukannya makanan ruji yang masih dalam bekalan yang mencukupi.
4. Antara negara pengeluar tanaman utama yang telah melaksanakan sekatan eksport ialah Vietnam, yang telah mengekang eksport beras, Rusia

<p>menghentikan eksport bijirin dan Kazakhstan juga telah menggantung eksport tepung gandum, <i>buckwheat</i>, gula, minyak bunga matahari, dan beberapa sayuran.</p>

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai import bagi topeng muka (HS Code: 6307904000 – topeng pembedahan) pada tahun 2019 mencecah RM6.9 juta. Tiga negara sumber utama Malaysia bagi tahun 2019 ialah China (RM2.9 juta – 42.3%), Taiwan (RM1.7 juta – 23.8%) dan Korea (RM1.0 juta – 13.9%). Nilai import bagi topeng muka dijangka meningkat pada tahun 2020 disebabkan peningkatan keperluan susulan penularan kes Covid-19 dalam Negara.
- Antara import bagi barang makanan utama pada 2019 iaitu gula (RM2.3 bilion), beras (RM1.9 bilion), daging lembu (RM1.9 bilion), bawang (RM688.9 juta) dan tepung (RM264.7 juta).
- BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Quick take: Glovemakers dominate gainers' list on Bursa</p> <p>Shares of rubber glove companies dominated Bursa Malaysia's top gainers list in early trade Monday. Top Glove Corp Bhd and a few of its peers are among the top most gainers as the worldwide demand for medical gloves is expected to surge rapidly. Malaysia is the world's largest producer of medical gloves.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/30/quick-take-glovemakers-dominate-gainers039-list-on-bursa
2.	The Edge	<p>SCGM forays into making PPE</p> <p>The shortage of personal protective equipment (PPE) due to the unprecedented demand amid the Covid-19 pandemic has prompted some frontline staff in local hospitals to use do-</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/scgm-forays-making-ppe

		it-yourself (DIY) protective gear made from everyday items such as plastic bags and cling wraps. Riding on the sudden surge in demand, SCGM Bhd, which specialises in thermoform food packaging products, has also decided to foray into making protective face shields.	
3.	Berita Harian	<p>Harga minyak pada paras rendah 17 tahun</p> <p>Harga minyak mentah meneruskan penyusutan di dagangan Asia pada Isnin dan menyusut ke paras terendah 17 tahun, dengan krisis COVID-19 meningkat di seluruh dunia dan situasi perang harga yang berterusan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/03/671036/harga-minyak-pada-paras-rendah-17-tahun
4.	Berita Harian	<p>Pasaran Asia menjunam susulan COVID-19, kejatuhan harga minyak</p> <p>Pasaran ekuiti utama Asia menjunam hari ini susulan kebimbangan pertumbuhan ekonomi global akan terjejas teruk ekoran penularan COVID-19 yang lebih meluas dan kejatuhan ketara harga minyak mentah yang dijangka memberi kesan negatif kepada firma berkaitan bahan api.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/03/663409/pasaran-asia-majunam-susulan-covid-19-kejatuhan-harga-minyak
5.	Sinar Harian	<p>Covid-19 punca harga minyak susut</p> <p>Pakar ekonomi berpendapat bahawa harga minyak susut kerana wabak koronavirus (Covid-19) menyerang ekonomi di China dan impaknya yang</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/72823/KHAS/Koronavirus/Covid-19-punca-harga-minyak-susut

		terus merebak di seluruh dunia sehingga kini.	
6.	The Edge Markets	<p>Malaysia GDP to expand 0.4% in 2020, says AmBank Research</p> <p>AmBank Group Research expects the Malaysian economy to report “technical” recession — two quarters of negative growth.</p> <p>AmBank Group chief economist and head of research Dr Anthony Dass said that after taking into consideration of the “technical” recession, his estimation shows the economy should expand around 0.4% for 2020 although the government projects a flat growth.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-gdp-expand-04-2020-says-ambank-research
7.	The Sun Daily	<p>MCO extension likely to crimp construction sector's profit margins</p> <p>The extension of the movement control order (MCO) is a negative development for the construction sector's earnings due to no contribution to revenue as overheads continue to run, thereby compressing profit margins, according to PublicInvest Research.</p>	https://www.thesundaily.my/business/mco-extension-likely-to-crimp-construction-sector-s-profit-margins-XJ2193707
8.	The Star	<p>NCCIM: Recovery could take a year, post Covid-19 aid needed</p> <p>The government's enhanced financial assistance and reliefs are much needed not only for now but also for post Covid-19 recovery as it is likely to take at</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/30/nccim-recovery-could-take-a-year-post-covid-19-aid-needed

		least six-12 months from containment, stabilisation and recovery before people and businesses return to normalcy.	
9.	ZdNet	<p>Sony's electronics supply chain impacted by COVID-19 instability</p> <p>The company's electronics segment has experienced supply chain issues due to the closures of its manufacturing plants in China and Malaysia. Due to these COVID-19 impacts, alongside lockdowns around the world and retailer closures, the sale of Sony's electronics products have been impacted.</p>	https://www.zdnet.com/article/sonys-electronics-supply-chain-impacted-by-covid-19-instability/
10.	New Straits Times	<p>Intel commits RM2mil to help frontliners combat Covid-19</p> <p>Intel Malaysia has committed to donate over RM2 million to assist healthcare professionals combat the Covid-19 pandemic in the country. The donation will be used to purchase test kits, ventilators, patient monitors and air purifiers for general hospitals in Penang and Kedah; and provide support for other government agencies.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/579614/intel-commits-rm2mil-help-frontliners-combat-covid-19
11.	Evertiq	<p>First Solar says that it's still operational</p> <p>First Solar says that its manufacturing operations will continue at each of the company's Wood County, Ohio, Kulim, Malaysia and Ho Chi Minh City, Vietnam facilities. First Solar, which operates factories located in Wood County, Ohio, Kulim, Malaysia</p>	https://evertiq.com/news/47995

		and Ho Chi Minh City, Vietnam, provides a manufacturing operations update in light of recent developments related to the COVID-19 (Novel Coronavirus) pandemic.	
12.	TheStar	<p>Pandemic puts brakes on DRB-Hicom's momentum</p> <p>The sales of most car companies were in negative territory for the month of February. DRB-HICOM subsidiary Proton posted an 89% year-on-year jump in sales last month. Management is targeting 130,000 unit sales in 2020. Earnings for DRB-Hicom should not be too badly affected by MCO given the fact that it has recorded two good months of strong sales. AmlInvestment Bank Research is optimistic that national car companies will perform better this year.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/30/pandemic-puts-brakes-on-drb-hicoms-momentum
13.	The Malaysian Reserve	<p>CSC Steel likely to face lower demand</p> <p>CSC Steel Holdings Bhd's business outlook remains negative with bearish demand-supply fundamentals, while the weaker crude oil prices may see demand from oil drum makers fall for its flat steel product. Melaka-based CSC Steel is a manufacturer of flat steel products which are used to make motor vehicles, electrical appliances and other such items. Consequently, the spread of the Covid-19 has impacted demand for steel as</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/03/30/csc-steel-likely-to-face-lower-demand/

		finished steel product inventories begin to climb and new orders see a pullback, thus becoming a double whammy on global steel prices.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. SCGM Bhd, yang mengkhusus dalam produk pembungkusan makanan thermoform, telah menghasilkan perisai muka perlindungan.
2. Pakar ekonomi berpendapat bahawa harga minyak susut kerana wabak koronavirus (Covid-19) menyerang ekonomi di China dan impaknya yang terus merebak di seluruh dunia sehingga kini.
3. Permintaan minyak global telah terjejas oleh Covid-19 dan banyak negara mengambil keputusan untuk menyekat perjalanan udara, malah penduduk dunia juga memilih untuk tidak mengembara. Kejatuhan harga minyak mungkin bagus bagi pengguna, namun kesan kepada kerajaan adalah sebaliknya kerana ia akan mengurangkan lagi pendapatan kerajaan.
4. PublicInvest mengurangkan unjuran pendapatan syarikat sektor pembinaan akibat kelembapan pasaran pada tahun ini.
5. Pemulihan pasca COVID-19 mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya setahun untuk kembali stabil dan kembali normal.
6. Pertubuhan E&E Sony terkesan dengan impak COVID-19.
7. Pengeluar produk besi bagi kenderaan bermotor dan kelengkapan elektrik CSC Steel menghadapi permintaan yang rendah berikutan pandemic COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan bagi sektor utama dan pertubuhan-pertubuhan berprofil tinggi dalam survei pembuatan bulanan rujukan Februari-Mac 2020 survei pembinaan suku tahun pertama 2020.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily	<p>Foreign selling on Bursa slows to RM631.9m last week</p> <p>International investors sold RM631.9 million net of local equities last week, the first time in five weeks that international funds disposed of local equities below the RM1.0 billion mark.</p>	https://www.thesunday.my/business/foreign-selling-on-bursa-slows-to-rm6319m-last-week-DK2194849

		Foreign net selling activity was lower by half at RM116.5 million net on Tuesday. The level of foreign net selling fell for the third consecutive day on Wednesday after off shore investors only sold RM81.6 million net.	
2.	The Star	<p>Mustapa: At least six months needed for country's economy to recover</p> <p>With right strategies, Malaysia's economy is expected to recover at least six months after the Covid-19 crisis ends. Various sectors were adversely affected by the pandemic outbreak such as the tourism, hospitality, retail and investment sectors. By taking the tourism sector as an example, they need to intensify the promotional activities to attract visitors coming to Malaysia.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/30/mustapa-at-least-six-months-needed-for-country039s-economy-to-recover
3.	The Edge Market	<p>Malaysia Airlines to fly in over 10 mil masks, ventilators from China</p> <p>MABkargo, the cargo arm of Malaysia Airlines Bhd (MAB), will be flying in more than 10 million pieces of masks and ventilators from Shanghai and Guangzhou, China, in the next few days. MABkargo also flew 300,000 pieces of disposable masks, 50,000 pieces of protection suit and 8,000 pieces of protection suit with eye mask courtesy of the Jack Ma Foundation and Alibaba Foundation from Shanghai to Kuala Lumpur.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-airlines-fly-over-10-mil-masks-ventilators-china

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1 dan 2: Ekonomi negara terjejas disebabkan oleh Covid-19 terutamanya dari segi sektor pelancongan, hotel, runcit dan pelaburan. Tempoh pemulihan ekonomi negara dijangka sekurang-kurangnya enam bulan selepas krisis COVID-19 berakhir.
2. Akhbar 2: MABkargo akan membawa masuk lebih 10 juta unit topeng muka dan ventilator dari China dalam tempoh masa yang terdekat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1 dan 2: Penjualan ekuiti tempatan akan dilihat semasa penyusunan statistik Akaun Kewangan di bawah komponen Ekuiti & dana pelaburan saham. Secara keseluruhan Impak Covid-19 akan memberi impak kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran.
2. Akhbar 3: Sumbangan bekalan peralatan kesihatan yang akan diimport dari China akan memberi kesan kepada komponen Pendapatan Sekunder.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>Stimulus package to cushion economic slowdown, not spur economic growth</p> <p>Malacca Securities Sdn Bhd said stated that the RM250 billion Prihatin economic stimulus package is an emergency move to cushion the slowdown in economic activities, and should not be mistaken as a move to spur economic growth.</p> <p>The RM250 billion stimulus package is also the largest ever declared by Malaysia, representing approximately 17.4 per cent of Malaysia's gross domestic product (GDP) in 2019.</p> <p>This has been compared to the RM67 billion stimulus package announced to combat the subprime mortgage crisis that</p>	https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1826551

		represented only 8.8 per cent of Malaysia's GDP in 2008.	
